

LAPORAN GURU MENGENAI MURID DIBAWAH PEMERHATIAN

Laporan yang disediakan oleh guru dalam 4 hingga 5 baris yang merangkumi:

- 1) Kekuatan dari aspek social, kognitif dan sbg
- 2) Tingkah laku di sekolah
- 3) Masalah disiplin
- 4) Reaksi murid apabila marah/kecewa
- 5) Pergaulan dengan rakan
- 6) Pergaulan dengan guru
- 7) Intervensi yang telah di lakukan

CONTOH LAPORAN GURU 1.

Yati ialah seorang kanak-kanak darjah satu yang sangat pendiam. Beliau selalunya bersendirian dan tidak mempunyai kawan. Beliau perlu diarah untuk menyertai apa-apa aktiviti sekolah. Adalah amat sukatr untuk meminta beliau membuat aktiviti secara sukarela. Beliau tiada masalah disiplin. Sekiranya dimarahi dia hanya mendiam diri dan kadang kala menangis. Bila terlalu marah dia boleh menghentak meja atau membaling pensil. Bertindak balas dengan baik apabila berinteraksi secara individu.

CONTOH LAPORAN GURU 2.

Shahriel seorang kanak-kanak darjah 1 yang sangat suka bercakap dan mengganggu rakan sekelas seperti mencucuk rakan dengan pensil, mengambil alat tulis rakan, mengganggu perjalanan kelas dengan menyampuk percakapan guru. Kerap datang lambat dan ponteng sekolah. Laporan dari ibubapa lain Shahriel suka membuli murid-murid lain. Dia jarang menyiapkan kerja sekolah tetapi jika diberi tumpuan oleh guru, dia boleh melakukan tugas yang diberikan.